

# Tabligh: Belum ada keputusan

Oleh Aminuddin Ibrahim

B.H. 17 MAR 1992

ALOR STAR. Tsnin — Kerajaan akan menunggu laporan kajian Pusat Islam mengenai kegiatan Tabligh, sebelum membuat keputusan mengharamkan kegiatan atau sebaliknya, kata Perdana Menteri, ~~Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad~~.

Menurutnya, kerajaan juga menunggu nasihat daripada penasihat agamanya mengenai perlu atau tidak ia menyekat termasuk ulama Tabligh dari India dan Pakistan.

Beliau berpendapat ajaran Tabligh itu menyebabkan ramai pengikutnya tidak menumpukan perhatian kepada kerja mereka.

"Mereka hanya mengikut arahan -kumpulan itu kononnya mereka menumpukan sepenuh masa kepada ibadat," katanya kepada pemberita setibanya di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Kepala Batas dekat sini, petang ini.

Dr Mahathir dan isterinya, Dr Siti Hasmah Mohamad Ali, tiba di sini untuk berbuka puasa bersama rakyat di Masjid Melele daerah Kubang Pasu, di sini, hari ini.

Ketibaan Perdana Men-

teri dan isteri disambut oleh beberapa Ahli Exco Kerajaan negeri dan ketua jabatan.

Ditanya sama ada kegiatan Tabligh ini mampu menggugatrancangan kerajaan bagi mencapai Wawasan 2020, Dr Mahathir berkata: "Kalau kegiatan ini mampu menarik ramai pengikutnya, kita tidak dapat capai Wawasan 2020."

Rabu lalu, Kerajaan Melaka mengambil keputusan mengharamkan kegiatan Tabligh setelah memutuskan bahawa fahaman itu boleh menimbulkan suasana tidak sihat di kalangan penduduk tempatan negeri itu.

Ketua Menterinya, Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik, berkata pengikut Tabligh negeri itu mengabaikan tanggungjawab dan tugas seharian mereka kerana terlalu cenderung terhadap kegiatan Tabligh.

Sementara itu, ditanya mengenai sama ada kerajaan bercadang membuat bantahan rasmi terhadap Australia kerana penayangan filem bertajuk "Turtle Beach", Dr Mahathir berkata: "Kita tidak bercadang membuat

sebarang bantahan kerana mengetahui perkara itu memang menjadi tabiat orang di Australia."

Menurutnya, walaupun kerajaan negara itu tidak terbabit, tetapi adalah sukar bagi Malaysia untuk berbaik-baik dengan orang Australia.

"Orang Australia begitu tertarik dengan tabiat membohong dan mencerca terhadap mereka yang dianggap kawan," katanya.

Serentak itu, Dr Mahathir berkata, amat sukar Malaysia mengadakan hubungan baik dengan orang Australia walaupun tidak ada tindakan diambil terhadapnya.

Beliau berkata, walaupun isu itu tidak membatikan Kerajaan Australia, kecuali rakyat negara berkenaan yang memiliki kebudayaan bertentangan dengan kebudayaan Asia.

Ditanya sama ada perlu kerajaan mengikut contoh kerajaan Singapura menyelesaikan masalah Majlis Penguam Negara itu, Perdana Menteri berkata: "Kita tidak perlu meniru mana-mana negara, tetapi hertindak mengikut budi bicara kita," katanya.